

ERTI SEBUAH PENGORBANAN KEKASIH ALLAH

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ
كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ،

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا
عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ ﴿١﴾ فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَنْحَرِ ﴿٢﴾ إِنَّكَ شَانِئُكَ هُوَ الْأَبْتَرُ ﴿٣﴾

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Marilah kita berusaha meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan

melaksanakan segala suruhan dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita beroleh keampunan di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Alhamdulillah, kita menyambut Aidil Adha yang jatuh pada hari ini, hari Jumaat penghulu segala hari. Mimbar ingin mengajak sidang Jumaat sekalian untuk kita menghayati bersama-sama erti pengorbanan yang sebenar-benarnya sebagaimana yang dituntut oleh Islam.

Aidil Adha yang juga dikenali sebagai Hari Raya Haji atau Hari Raya Korban memiliki beberapa keistimewaan. Salah satunya adalah ibadah korban yakni ‘udhiah’ yang boleh kita laksanakan dalam empat hari bermula selepas solat Aidil Adha sehingga tenggelamnya matahari pada hari ke-13 Zulhijjah. Ibadah korban bermaksud menyembelih haiwan ternakan tertentu yang dikategorikan sebagai al-an’am sama ada unta, lembu, kerbau, biri-biri atau pun kambing. Tujuan korban adalah untuk beribadah dan bertaqarrub yakni mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu wa Taala dan ia dihukumkan sebagai suatu ibadah sunnah yang sangat dituntut.

Allah Subhanahu wa Taala berfirman dalam surah al-Kautsar ayat 2:

فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَنْحَرْ ﴿٢﴾

Yang bermaksud: *Maka dirikanlah solat kerana Tuhanmu; dan berkorbanlah.*

Rasulullah Sallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam sebuah hadis riwayat Imam al-Tirmizi:

الصَّوْمُ يَوْمَ تَصُومُونَ وَالْفِطْرُ يَوْمَ تُفْطِرُونَ وَالْأَضْحَى يَوْمَ تُضْحُونَ

Yang bermaksud: “*Berpuasa itu pada hari kamu semua berpuasa, berhari raya pada hari kamu semua berhari raya dan berkorban pada hari kamu semua menyembelih korban*”

Ibadah korban memberikan kita beberapa pengajaran penting. Antaranya, ia mendidik agar kita ikhlas dalam beribadah dan bertakwa. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah al-Hajj ayat 37:

لَنْ يَنَالَ اللَّهَ لُحُومُهَا وَلَا دِمَاؤُهَا وَلَكِنْ يَنَالُهُ التَّقْوَىٰ مِنْكُمْ ۗ

Yang bermaksud: *Daging dan darah binatang korban atau hadiah itu sekali-kali tidak akan sampai kepada Allah, tetapi yang sampai kepada-Nya ialah amal yang ikhlas yang berdasarkan taqwa daripada kamu.*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Ibadah korban yang dilaksanakan saban tahun pastinya membuatkan kita terimbau memori kisah Nabi Ibrahim ‘alaihissalam dan puteranya Nabi Ismail ‘alaihissalam. Nabi Ibrahim alaihissalam menerima wahyu perintah daripada Allah Subhanahu wa Taala agar menyembelih anaknya Ismail. Nabi Ibrahim alaihissalam mengetahui bahawa ia merupakan suatu ujian yang sangat berat tetapi mesti ditaati. Peristiwa ini dirakamkan dalam al-Quran sebagaimana Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah as-Saffat ayat 102:

فَلَمَّا بَلَغَ مَعَهُ السَّعْيَ قَالَ يَبْنَئِيَّ إِنِّي أَرَىٰ فِي الْمَنَامِ أَنِّي أَذْنَحُكَ فَأَنْظُرُ مَاذَا

تَرَىٰ ۚ قَالَ يَتَأَبَّتْ أَفْعَلُ مَا تُؤْمَرُ ۖ سَتَجِدُنِي ۖ إِن شَاءَ اللَّهُ مِنَ الصَّابِرِينَ ﴿١٠٢﴾

Yang bermaksud: *maka ketika anaknya itu sampai (ke peringkat umur yang membolehkan dia) berusaha bersama-sama dengannya, Ibrahim*

berkata: "Wahai anak kesayanganku! Sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahawa aku akan menyembelihmu; maka fikirkanlah apa pendapatmu?". Anaknyanya menjawab: "Wahai ayah, jalankanlah apa yang diperintahkan kepadamu; Insya-Allah, ayah akan mendapati aku daripada orang yang sabar".

Perbualan antara kedua beranak ini benar-benar menyentap perasaan kita. Betapa besarnya sifat sabar kedua-dua nabi ini dan betapa patuhnya mereka menjalankan perintah Allah Subhanahu wa Taala tanpa sebarang bantahan meskipun ia merupakan suatu perintah yang amat berat untuk dilaksanakan.

Ketika Nabi Ibrahim sudah meletakkan pisau di leher Ismail alaihissalam, malaikat Jibril datang dengan perintah Allah membawakan seekor kibas sebagai ganti.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Sebagai mengakhiri khutbah, marilah kita bersama-sama menghayati falsafah sebenar di sebalik perayaan Aidil Adha yang kita sambut pada hari ini. Jadikanlah ketaatan yang tidak berbelah bahagi Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail Alaihimassalam kepada Allah Subhanahu wa Taala sebagai teladan bagi kita.

Marilah kita berazam menjadi hamba Allah yang lebih taat mengerjakan segala suruhan dan meninggalkan segala larangan Allah Subhanahu wa Taala. Sebagai contoh ramai di kalangan kita berkira-kira menyertai ibadah korban tetapi untuk membeli barangan mewah seperti telefon bimbit yang mahal, hiasan kereta yang berlebihan tidak menjadi masalah kepada mereka. Semoga dengan mengambil iktibar daripada semangat pengorbanan kekasih Allah ini, kita menjadi mukmin yang lebih taat dan kualiti ibadah kita kepada Allah Subhanahu wa Taala menjadi lebih baik daripada sebelumnya.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١١٢﴾ لَا شَرِيكَ لَهُ

وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا أَوَّلُ الْمُسْلِمِينَ ﴿١١٣﴾

Yang bermaksud: katakanlah: "Sesungguhnya solatku, ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam. Tiada sekutu bagi-Nya, dan itulah yang diperintahkan kepadaku dan aku adalah orang terawal menyerahkan diri (kepada Allah)."

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ. أَقُوْلُ
قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.